

**Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama
(Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz:
Analisis Metodologi Fatwa Dalam Menegakkan
Aqidah Ahl Al-Sunnah Wa Al-Jama'ah
Di Negara Brunei Darussalam**

Rasinah Ahim¹

Abstrak: Artikel ini menyelusuri sejarah kehidupan yang dilalui Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz sepanjang perjalanan keilmuan dan kerjayanya. Tokoh ini telah diberi kepercayaan untuk mengalas jawatan sebagai Mufti atas keilmuan dan kredibiliti yang dimiliki. Suatu tugas yang berautoriti menjaga kemaslahatan ummah Islam di Brunei Darussalam dan secara langsung bertanggung jawab mengukuhkan kedudukan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan menerapkannya menerusi fatwa-fatwa yang dihasilkan. Kaedah dokumentasi dan kaedah temubual diaplikasikan untuk mengutip dan mengumpul data-data penulisan dan data-data latarbelakang tokoh. Data-data tersebut dianalisa menggunakan kaedah induktif, deduktif, komporatif serta analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa metodologi yang diaplikasikan di dalam fatwa tokoh adalah signifikan kepada aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang mencakupi perjalanan amalan harian masyarakat dan pelaksanaan pentadbiran negara. Kesimpulannya, metodologi fatwa tokoh memperkuuh ritual beragama dan pembangunan syiar Islam di Brunei Darussalam serta

¹ Dr Hajah Rasinah binti Haji Ahim, Pensyarah Kanan di Fakulti Usuluddin, UNISSA, Brunei Darussalam.
Emel: rasinah.ahim@unissa.edu.bn

oleh Awang Haji Adenan bin Haji Latiff dan Awang Ismail bin Haji Nordin yang bertajuk *Wawancara Penyelidikan Biodata Yang DiMuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz* (1992), dan buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah yang bertajuk *Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413: Yang DiMuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail Omar Abdul Aziz* (1999). Turut dirujuk buku yang bertajuk *Tinta Emas Ulama Dua Negara Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Ismail Omar Abdul Aziz* (2015), tulisan Abd Latif Juffri @ Al-Jufri dan Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus. Sementara kajian yang memfokuskan kepada analisis penulisan fatwa, merujuk kepada kajian ilmiah peringkat Sarjana yang dihasilkan oleh Hajah Rasinah binti Haji Ahim, bertajuk *Penerapan Pemikiran dan Fatwa Aliran Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Ismail Omar Abdul Aziz di Brunei Darussalam* (2001). Kajian ini mengupas tentang metodologi dalam menghasilkan fatwa serta pengaplikasiannya dalam pembangunan dan pentadbiran negara. Diskusi tentang sumbangsan dalam pelbagai bidang keilmuan yang dimiliki tokoh ini, telah didedahkan di dalam beberapa artikel yang dimuatkan dalam *Prosiding Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz* (2015). Buku suntingan Dr Nurol Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz yang bertajuk *Mazhab Shafi'i Pandangan dan Amalan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz* (2016), turut disoroti, di mana tulisan ini signifikan kepada amalan agama dalam kehidupan harian berpandukan kepada Mazhab Shafi'i. Kajian terkini bertajuk *Ketokohan dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar*

Abdul Aziz: Dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan (2017), merupakan suntingan Norarfian Zainal dan Mahayuddin Yahaya, yang memuatkan beberapa artikel yang membincangkan perihal ketokohan dan keilmuan dalam bidang agama dan pendidikan. Artikel ini pula menumpukan kepada kupasan mengenai metodologi atau pendekatan yang diaplikasikan dalam mengeluarkan fatwa.

Skop dan Kaedah Kajian

Artikel ini mengaplikasikan kajian kualitatif, yang menggunakan dua kaedah iaitu kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisisan data. Kaedah pengumpulan data bersandarkan kepada dokumentasi dan temubual. Kedua-dua kaedah ini dijalankan untuk mengutip data-data primer dan sekunder berkaitan penulisan tokoh. Data-data primer tertumpu kepada koleksi fatwa yang dihasilkan, di mana kandungan dalam data-data ini dianalisa menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komperatif serta analisis kandungan.

Biografi Ringkas Tokoh

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz dilahirkan pada tahun 1911M, di Kampong Rengit, sebuah kampong yang terletak di Negeri Johor dan kini merupakan sebuah daerah kecil di bawah Daerah Batu Pahat, Negeri Johor Darul Ta'zim (Awang Haji Adenan bin Haji Latiff dan Awang Ismail bin Haji Nordin, 1992:1). Ayahnya Omar Abdul Aziz bin Haji Ahmad, terkenal dengan gelaran Faqeeh Omar, merupakan seorang guru al-Qur'an dan pendakwah (Pusat Da'wah Islamiyah, 1999:3). Ibunya bernama Hajah Maryam binti Haji Yussof, berasal dari provinsi Pulau Riau, Indonesia, merupakan

seorang suri rumah tangga sepenuh masa. Bilangan adik beradik beliau seramai enam orang dan beliau merupakan anak kedua dalam keluarganya. Saudara kandung beliau terdiri daripada Tuan Haji Ahmad, Puan Hajah Kalsum, Tuan Haji Abdullah, Tuan Haji Mustafa (ibu lain) dan Tuan Haji Ibrahim (ayah lain). Beliau bersaudara sangat mementingkan pendidikan keagamaan dan menjaga sepenuhnya nilai-nilai keagamaan dalam kehidupan seharian. Namun begitu, dalam adik beradiknya, hanya beliau sahaja yang memilih kerjaya dalam bidang keagamaan (Ustaz Mohd Nazar bin Haji Karim, 1999).

Pada tahun 1955, beliau telah mendirikan rumah tangga dengan Datin Seri Setia Ustazah Hajah Kamaliah yang merupakan anak perempuan kepada ulama besar Singapura al-Sheikh Muhammad Fadhlullah Suhaimi. Hasil daripada perkahwinan ini, beliau telah dikurniakan dengan lapan (8) orang anak, yang kesemuanya terdiri daripada perempuan. (Hajah Rasinah binti Haji Ahim 2001: 69)

Sesungguhnya keperibadian yang ada pada diri beliau adalah hasil didikan daripada kedua ibubapnya yang sangat mementingkan pendidikan agama. Bentuk pendidikan yang diperolehi ini turut diterapkan kepada diri dan perjalanan harian anak-anaknya dengan meletakkan ajaran Islam sebagai pendidikan asas sama ada *informal* mahupun *formal*.

Perjalanan Keilmuan Tokoh

Tokoh ini memulakan pendidikan awalnya di Sekolah Melayu Pontian Johor dan Sekolah al-Quran Kerajaan Johor pada tahun 1919M hingga 1923M (Pusat Da'wah Islamiah, 1980:1), seterusnya di Sekolah Arab al-Attas, Johor Bahru pada tahun 1923M hingga 1928M. Pada tahun 1929M, beliau mengikuti pengajian di Kolej al-Attas, kemudian

meneruskan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1938M di bawah skim biasiswa Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim (Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1992:3-9). Sepanjang berada di Kaherah, Mesir, beliau berhasil memperolehi tidak kurang daripada lima ijazah daripada Universiti al-Azhar dan Universiti Kaherah, iaitu dua (2) daripadanya Ijazah Sarjana Pendidikan yang diperolehi pada tahun 1944M dan Ijazah Sarjana Dakwah dan Irshad yang diperolehi pada tahun 1946M. Sementara tiga (3) Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang iaitu Ijazah Sarjana Muda Usuluddin, diperolehi pada tahun 1942M, Ijazah Sarjana Muda Da'wah diperolehi pada tahun 1946M, dan Ijazah Sarjana Muda Kesusteraan diperolehi pada tahun 1948M.(Rugayah binti Haji Tibek, 2015:105). Keistimewaan tokoh ini juga terserlah dalam kemampuan beliau menguasai pelbagai bahasa asing, iaitu bahasa Arab, Inggeris, Jerman, Perancis dan Turki (Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1992:11-12).

Sepanjang perjalanan keilmuan, beliau telah menerima didikan daripada beberapa guru, antaranya: Cikgu Haji Muhammad Amin bin Surau yang merupakan Guru Besar Sekolah Melayu Pontian Kecil, Cikgu Syahrom bin Haji Kasim, Guru Sekolah al-Qur'an Kerajaan Johor, Cikgu Mohammed Yusuf bin Abdul Rahman, Cikgu Ahmad bin Mohammed bin Yahya al-Datar iaitu guru bahasa Arab, al-Mu'alim al-Syed Abu Bakar bin Abdullah al-Attas dan al-Sheikh Haji Muhammad Fadzlullah Suhaimi (Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1992:9-12).

Manakala itu, ketika melanjutkan pengajian di Mesir, beliau berkesempatan belajar daripada beberapa ulama al-Azhar,

antaranya (Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1992:11-12):

- i. Al-Sheikh Ibrahim al-Takharimi al-Syami;
- ii. Al-Sheikh Mohamed al-Kilani yang merupakan cucu kepada al-Sheikh Abdul Qadir Jailani;
- iii. Al-Sheikh Idulwasif;
- iv. Al-Sheikh Mohammed Habibullah al-Shenqiti, ulama yang tersohor di Mekah, Madinah dan Mesir. Beliau mempelajari ilmu-ilmu hadith menerusi ulama ini ;
- v. Al-Sheikh Mohammad Khidr al-Husein (keturunan Sayyidina Hassan Radiyallahu ‘anhу). Beliau mempelajari ilmu-ilmu tafsir menerusi ulama ini ;
- vi. Al-Sheikh Mohammed Zahid al-Kausari yang merupakan Mantan Timbalan Sheikh al-Islam Kerajaan Bani Othman Istanbul;
- vii. Al-Sayyed Abdullah bin Mohammed bin Sidek Al-Ghumari (keturunan Sayyidina Hasan Radhiallahu ‘anhу;
- viii. Al-Sayyed Alwi bin Tahir al-Haddad al-Haddar merupakan Mufti Kerajaan Johor.

Tokoh ini mempunyai sifat yang terlalu cintakan ilmu, lantaran itu beliau berusaha dan tidak melepaskan peluang untuk bertemu dengan beberapa ulama semata-mata untuk meluaskan ilmu pengetahuannya. Beliau juga sering mencerahkan keilmuannya melalui tulisan dan ceramah untuk kemanfaatan generasi seterusnya. Ternyata keilmuan yang disumbangkan melalui fatwa; tulisan, dan ceramah terus menjadi rujukan dan sandaran para ilmuan hingga kini.

Perjalanan Kerjaya Tokoh

Perjalanan kerjaya tokoh ini bermula sebagai Pengajar di Kolej al-Attas, sebelum beliau meneruskan pengajian ke Kaherah, Mesir dan setelah tamat pengajian, beliau memulakan perkhidmatan di Jabatan Agama Islam Johor. Sepanjang hayatnya, kerjaya beliau tertumpu di Negeri Johor, Malaysia dan Negara Brunei Darussalam.

Tokoh berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Johor bermula di Jabatan Agama Islam Johor. Beliau dilantik sebagai Pegawai Pemeriksa Sekolah-Sekolah Agama Johor sekitar tahun 1949M hingga tahun 1952M, dan dalam masa yang sama diberikan kepercayaan untuk mengelolakan penerbitan Warta Jabatan Agama Johor (daripada keluaran pertama hingga keluaran bilangan 39). Diikuti lantikan sebagai Kadi Daerah Segamat Johor dari tahun 1952M hingga 1955M, dan dalam tahun yang sama, telah dipinjamkan untuk berkhidmat dengan Kerajaan Negeri Selangor selama satu (1) tahun sebagai Pengetua Pertama Kolej Islam Malaya. Pada tahun 1956M, kembali bertugas ke Johor sebagai Pemangku Timbalan Mufti Kerajaan Johor. Tahun berikutnya (1957M) ditugaskan sebagai Kadi Daerah Pontian, dan sebagai Pemangku Kadi Besar Johor. Beliau menjawat jawatan sebagai Kadi Besar pada tahun 1958M hingga tahun 1961M. Setelah tamat perkhidmatan di Negara Brunei Darussalam, beliau kembali berkhidmat di Negeri Johor dan bertugas sebagai Timbalan Mufti bagi Kerajaan Negeri Johor sehingga bersara pada tahun 1966M (Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1992:5).

Mengimbau detik awal perkhidmatan tokoh di Brunei Darussalam, bermula apabila beliau merupakan antara

anggota yang dijemput oleh Kerajaan Brunei Darussalam sekitar tahun 1954M-1955M untuk meninjau perihal cadangan mendirikan sekolah agama formal. Hasil laporan daripada tinjauan yang dilakukan, maka pada September, 1956M, telah diwujudkan sekolah agama formal di Brunei Darussalam. Manakala kerjaya sebagai Mufti bagi fasa pertama mula digalas pada 1 April, 1962M hingga 1965M, sekali gus meletakkannya sebagai Mufti Kerajaan Brunei yang pertama. Lantikan ini adalah hasil perundingan antara al-Marhum Sultan Haji Omar `Ali Saifuddien Sa`adul Khairi Waddien dan al-Marhum Sultan Ibrahim, Sultan Negeri Johor Darul Ta'zim. Fasa kedua perkhidmatan beliau adalah setelah bersara dari Kerajaan Negeri Johor. Beliau menerima tawaran untuk berkhidmat semula di Negara Brunei Darussalam dan menjawat jawatan yang sama iaitu sebagai Mufti Kerajaan mulai tahun 1967M hingga akhir hayatnya.

Perjalanan kerjaya tokoh sama ada ketika berada di Malaysia mahupun di Brunei Darussalam adalah tertumpu kepada bidang agama dan pendidikan. Oleh yang demikian, beliau diiktiraf sebagai tokoh agama yang disegani dan dihormati di dua (2) buah negara ini bahkan juga diterima di peringkat Nusantara.

Pengiktirafan Tokoh

Beberapa pengiktirafan telah dikurniakan kepada tokoh ini bagi menghargai segala jasa dan sumbangan yang diberikan sepanjang berkhidmat, sama ada di Brunei Darussalam mahupun di Malaysia. Beberapa pingat dan bintang yang dikurniakan kepada beliau, ialah (Hajah Rasinah binti Haji Ahim, 2001: 95-114):

- i. Darjah Mahkota Brunei Yang Amat Mulia (S.M.B),
Darjah Ketiga oleh KDYMM Sultan Omar `Ali

- Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien pada 23 September, 1964M;
- ii. Darjah Seri Laila Jasa Yang Amat Berjasa (D.S.L.J), Darjah Kedua oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Jun, 1968M;
 - iii. Pingat Ibrahim Sultan (P.I.S), Darjah Kedua oleh KDYMM Sultan Ismail bin Ibrahim, Sultan Negeri Johor pada tahun 1968M;
 - iv. Darjah Dato Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K), Dato Seri Utama, Darjah Kedua oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari, 1969M;
 - v. Pingat Hassanal Bolkiah Sultan (P.H.B.S), Darjah Pertama oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 27 Oktober, 1970M;
 - vi. Darjah Seri Agama Islam Negeri Brunei Yang Amat Bersinar (P.S.S.U.B), Darjah Pertama oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 15 Julai, 1972M;
 - vii. Pingat Bakti Laila Indah (P.B.L.I), Darjah Pertama oleh KDYMM Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 30 November, 1989M.

Di samping itu, atas kepakaran dan keilmuan yang ada pada tokoh ini, telah melayakkannya untuk mendapat beberapa pengiktirafan serta anugerah, antaranya (Hajah Rasinah binti Haji Ahim, 2001: 95-114):

1. ‘Anugerah Tokoh Ulama’ daripada Yayasan Nadwah Akademik Islam Malaysia pada 18 Jamadilakhir 1408H bersamaan 06 Februari, 1988M (Awg Haji Muhd. Hadi bin Abdullah, 1997: 10-11;
2. ‘Anugerah Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang’ sempena Majlis Konvokesyen Universiti Brunei Darussalam pada 17 Rabiulawal 1412H bersamaan 25 September, 1991M;
3. ‘Anugerah Tokoh Agama’ sempena Sambutan Awal Tahun Hijrah 1413 pada 1 Muharam 1413H bersamaan 02 Julai, 1992M.

Pengiktirafan ini adalah atas ketokohan yang dimiliki serta jasa dan sumbangan yang dihulurkan melalui fikrah, tulisan dan nasihat demi pembangunan agama, ummah dan, negara.

Hasil Karya Tokoh

Keilmuan tokoh ini tidak terbatas dalam menghasilkan fatwa semata-mata, akan tetapi beliau juga banyak menghasilkan penulisan. Berikut analisis penulisan mengikut urutan tahun, antaranya (Awang Ismail bin Omar Abdul Aziz, 1992: 6-9):

Jadual 1: Hasil Karya

Tahun	Tajuk Penulisan
1935	Kitab Pelajaran Fiqh Penggal 1 Artikel ‘Didikan Akhlak’
1948	Artikel ‘Aqdatu al-Nasab ‘inda Abi Tamam’

1949- 1952	Beberapa makalah dalam Majalah Warta Jabatan Agama Johor (39 naskah)
1963 – 1965	Beberapa makalah dalam Majalah Warta Jabatan Agama Johor bil. 1 -13
1965	Artikel ' <i>Kaifa dakhala al-Islam ila Brunei'</i>
1967	Artikel ' <i>Bagaimana kita mengambil faedah dari al-Quran'</i>
1979	Buku ' <i>Aqidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah'</i>
1980	Buku ' <i>Peribadi orang Islam'</i>
1981	Artikel ' <i>Corak pendidikan dalam Islam berhubung dengan pendidikan di Negara Brunei Darussalam'</i>
1985	Artikel ' <i>Konsep Melayu Islam Beraja di Negara Brunei Darussalam'</i>
1987	Artikel ' <i>Konsep Pengajian Tinggi Islam'</i> Buku ' <i>Hukum nikah kahwin cara Islam dan Isu berbangkit dari nikah kahwin'</i>
1992	Buku ' <i>Kisah hidup 'Al-alamah al-Sheikh Muhammad Fadlullah Suhaimi ibni al-Sheikh Muhammad Suhaimi bin Abdullah'</i> Artikel <i>Sejarah Hidup Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz.</i>

Tokoh ini turut menyumbangkan beberapa wirid yang terpilih untuk menjadi amalan serta kertas kerja mengenainya, antaranya; ‘Ringkasan Wirid Bacaan Pagi dan Petang dengan dalil daripada Qur'an dan Hadith’, ‘Dalil daripada Qur'an dan Hadith mengenai al-Wirid al-Latiff oleh al-Allamah al-Sayyid Abdullah bin Muhammad al-Haddad’, ‘Dalil daripada Qur'an dan Hadith mengenai Wirid asal oleh al-Arif Billah al-Syakh Abdu al-Qadir Jaylanı,

Baghdad’, ‘Pandangan Islam’, ‘Ugama Didikan Sosial’, ‘Ilmu Tasawwuf dan Hubungannya dengan Islam dan Iman’, ‘Perkara panduan jurunikah dan hukum-hukum nikah yang berhubung dengannya’, “Perkara aqidah Ahli Sunnah wa al-Jamaah dalam pentadbiran pegawai-pegawai kerajaan Negara Brunei Darussalam’ dan ‘Bagaimana kita mengkaji fiqh aliran atau mazhab al-Imam al-Shafi’I radhiyallahu ‘anhу’ (Awg Haji Muhd. Hadi bin Abdullah, 1997: 13-14).

Hasil-hasil tulisan tokoh diiktiraf sebagai khazanah ilmu Islam di Brunei Darussalam khususnya dan di Nusantara umumnya, yang bukan setakat menjadi rujukan dalam pengamalan harian bahkan ia terus dibuat sebagai bahan kajian, dianalisa dan dikembangkan oleh para pelajar di peringkat sarjana atau kedoktoran dari masa ke semasa.

Koleksi Fatwa Tokoh

Sepanjang berkhidmat sebagai Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam, fatwa yang dikeluarkan adalah sebanyak 1,525 siri fatwa termasuk 77 siri Fatwa Berturut-Turut.¹ Fatwa-fatwa tersebut menyentuh pelbagai bidang yang berkaitan dengan kehidupan seharian, kepercayaan, amalan seharian masyarakat dan lain-lain. Berikut dijelaskan secara ringkas dalam bentuk jadual tentang isu-isu yang telah difatwakan:

¹ Fatwa Berturut-Turut ialah himpunan fatwa yang telah dikeluarkan dengan beberapa penambahan dan pengubahsuaian seterusnya disiarkan semula sebagai satu fatwa dengan siri yang selanjutnya. Data ini diperolehi berdasarkan semakan kepada catatan yang ada di Bahagian Urusetia Fatwa, Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam; Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (2015), *Prosiding Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz* (2015). t.tp:tp, h. 195-217.

Jadual 2: Isu-Isu Fatwa

Bil	Isu	Jumlah Fatwa
1.	Al-Qur'an dan Kitab-Kitab Agama Islam	49
2.	Aqidah dan Kepercayaan	51
3.	Ajaran Sesat, Bid'ah dan Khurafat	26
4.	Taharah	54
5.	Sembahyang	161
6.	Puasa	38
7.	Zakat	53
8.	Haji dan Umrah	41
9.	Tariqat, Zikir dan Doa	81
10.	Mu'amalat	175
11.	Al-Ahwal Syakhsiyah	132
12.	Hal Ehwal Kanak-kanak	69
13.	Pakaian dan Perhiasan	65
14.	Perayaan, Kebudayaan, Hiburan dan Sukan	81
15.	Makanan dan Minuman	75
16.	Masjid, Surau dan Balai Ibadat	49
17.	Sembelihan, Aqiqah dan Qurban	17
18.	Mayat dan Kubur	154
19.	Pusaka, Waris dan Wasiat	41
20.	Pentadbiran	95
21.	Hal Ehwal Orang Kafir	96
22.	Jinayat	26
23.	Khatan	4
24.	Mutafarriqat	102

JUMLAH¹**1735**

Sumber: Dr Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (2015).

Lazimnya fatwa dikeluarkan untuk menangani serta menyelesaikan segala permasalahan hukum yang timbul, sekali gus membantu kerajaan menegakkan hukum Islam dan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara, di samping membentuk masyarakat menurut ketentuan hukum Islam (Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Haji Maidin, 1999: 209). Pendeknya fatwa adalah antara mekanisme utama untuk menerapkan syiar Islam dalam ritual beragama dan pelaksanaan pentadbiran negara.

Analisis Metodologi Fatwa

Tokoh merupakan antara ulama Nusantara yang berpegang dengan aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Tulisan-tulisannya banyak mengetengahkan tentang doktrin Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan mengupas pemikiran para ulama di dalamnya. Kerjaya sebagai Mufti membuka ruang dan merupakan saluran yang tepat untuk menjayakan usahanya. Oleh yang demikian, fatwa mahupun pemikiran yang diaplikasikan dalam meleraikan persoalan atau kekeliruan yang timbul, beliau tangani dengan berpandukan kepada ketetapan yang disepakati di dalam minhaj aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

¹ Terdapatnya perbezaan jumlah siri fatwa iaitu 1525 siri dengan jumlah isu iaitu 1735 adalah kerana sebahagian siri fatwa menjelaskan lebih dari satu isu; Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (2015), h.195-217.

Mengutamakan Al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah

Pendekatan mengutamakan al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah al-Nabawiyyah diaplikasikan oleh tokoh ini di dalam penetapan hukum dan penghasilan fatwa, selaras dengan pendekatan yang terkandung di dalam minhaj Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Ini jelas di dalam petikan fatwa yang berkaitan dengan persoalan tentang kedudukan masyarakat Islam yang memperoleh sumber mata pencarian di perbankan konvesional: (Fatwa bil. (46) (55) dlm. MKB. 2/1971; (154) MKB.13/1967 Pt.2, t.t, h. 3-36):

"...pada menerangkan serta memperjelaskan mengenai perkara ini, memadai dengan membawakan ayat-ayat suci al-Qur'an al-Karim dan al-Hadith Rasulullah *sallalhu alaihi wasallam*. Pada dua sumber ini telah dijelaskan secara terperinci akan kedudukan orang yang mengamalkan riba. Teranglah bahawa berdosa besar barangsiapa yang mengamalkan riba, malahan patut untuk diperangi seandainya degil dan enggan bertaubat darinya. Perlu ditegaskan amalan riba antara perkara yang termasuk dalam *su' al-khatimah*. Demikianlah halnya kedudukan mereka yang berkhidmat dengan sektor perbankan yang menjalankan riba. Wang yang diperoleh darinya adalah wang riba. Wang *syubhah* (bercampur wang riba) pula dihukumkan ke atas pekerja-pekerja yang berkhidmat dengan industri perbankan yang menjalankan dua jenis perniagaan. Perniagaan ini dijalankan mengikut dasar riba, di samping menjalankan perniagaan lain (bukan atas

dasar riba) seperti pelaburan rumah, tanah dan sebagainya. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah berfirman...”

قال تعالى : ﴿ الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُولُونَ إِلَّا كَمَا يَقُولُ
 الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمُسِّىٰ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ
 مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ
 مِنْ رَبِّهِ فَأَنْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ
 فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ الْنَّارِ هُمْ فِيهَا خَلِيلُونَ ۝ ۝ يَمْحُقُ اللَّهُ الرِّبَا
 وَيُرِيبُ الْصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ ﴾

Tafsiranya:

“...Orang-orang yang memakan riba tidak akan dapat bangkit (dari kubur pada hari Kiamat) melainkan seperti berdirinya orang-orang yang dirasuk syaitan (dengan keadaan terhuyung-hayang) kerana rasukan (syaitan) itu. Yang demikian itu ialah disebabkan mereka mengatakan: “Adapun berjual beli itu sama seperti riba”. (Padahal) Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Jika sesiapa yang telah sampai kepadanya pengajaran (peringatan tentang haramnya memakan riba) daripada Tuhannya lalu dia berhenti maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) menjadi haknya dan mengenai urusannya terserah kepada Allah. Dan sesiapa yang kembali (memakan riba selepas mengetahui hukumnya) maka mereka itu ialah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya. Allah menghilangkan (keberkatan harta kerana) riba dan menambahkan (keberkatan harta daripadanya)

sedekah-sedekah. Dan Allah tidak menyukai semua orang yang sangat kufur lagi bergelumang dosa...”
Surah al-Baqarah (2): 275-276

Pada ayat yang lain, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah menegaskan dengan berfirman:

قال تعالى : ﴿يَتَأْمِنُهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَدَرُوْا مَا يَقْنَى مِنَ الرِّبَآءِ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ﴾

Tafsiranya:

“... Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan tuntut lagi) sisa-sisa riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) jika benar kamu orang yang beriman...”
Surah al-Baqarah (2): 278

Amaran serta tegahan menjalankan kegiatan riba, Rasulullah *sallallu alaihi wasallam* turut memperingatkan menerusi sabda Baginda (Al-Bukhari, t.th:59):

((إِجْتَبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقاتِ، قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَا هُنَّ؟ إِنَّ الشُّرُكَ بِاللَّهِ، وَالسَّحْرَ، وَقَتْلَ النَّفْسِ الَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ، وَأَكْلَ مَالَ الْيَتَمِّ، وَالتَّوْلِي يَوْمَ الزَّخْفِ، وَقَدْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ)).

Maknanya:

“Jauhilah oleh kamu akan tujuh (7) perkara yang menjahanamkan kamu, lalu Sahabat-Shabat berkata:

Apa itu Ya Rasulullah *sallalhu alaihi wasallam*. Baginda bersabda: Menyekutukan Allah Ta’ala dengan makhlukNya, membuat sihir, membunuh orang yang telah Allah larang dan haramkan melainkan dengan kebenaran syara’ (seperti bunuh balas bunuh dan orang Murtad). Makan riba, makan harta anak yatim, lari ketika menghadapi musuh Islam dalam pertempuran dan menuduh perempuan mu’minah yang suci daripada kejahanatan dengan berzina...”

Analisis menunjukkan bahawa tokoh mengambil pendekatan dengan memberikan penghuraian, penerangan dan penjelasan seperti yang terang di dalam al-Qur'an al-Karim dan al-Hadith supaya mudah difahami oleh masyarakat dengan mengetengahkan sebanyak mungkin nas-nas yang berkaitan dengan topik perbincangan untuk mengukuhkan lagi hujah fatwa yang dikeluarkan.

Dewasa ini, kita mendapati adanya segelintir masyarakat Islam yang mengabaikan sumber al-Qur'an al-Karim, atas alasan bahawa kandungannya tidak relevan dengan tuntutan hidup hari ini. Bahkan terdapat juga yang hanya mengiktiraf al-Qur'an al-Karim semata-mata dan menolak al-Sunnah, sedangkan al-Sunnah itu berperanan pada memperincikan segala yang terkandung di dalam nas. Oleh itu, pendekatan yang diaplikasikan dalam mengeluarkan fatwa dengan mengutamakan sumber yang terbit daripada al-Qur'an al-Karim dan al-Sunnah atau al-Hadith adalah bertepatan dengan kedudukannya sebagai asas perundangan Islam yang juga sejajar dengan sumber utama aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Firman Allah *Subhanahu wa Ta’ala*:

قال تعالى : ﴿ وَمَا آتَنَّكُمْ أَرْسُولُنَا فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا
وَأَتَقْوُا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴾

Tafsiranya:

“...Dan apa jua suruhan yang dibawa oleh Rasulullah kepada kamu maka ambillah akan dia serta amalkan, dan apa jua yang dilarangnya kamu melakukannya maka patuhlah larangannya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat azab siksaanNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)...”

Surah al-Hasyr (59):7

Mendahulukan Mazhab Imam al-Shafi'i sebagai rujukan awal

Tokoh ini sangat tegas dalam menegakkan dasar yang termaktub di dalam Perlumbagaan Negeri Brunei 1959 mengenai ketetapan bahawa Islam adalah agama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam yang berteraskan kepada aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan berpandukan kepada Mazhab Shafi'i (Perlumbagaan Negeri Brunei 1959). Prinsip ini turut diterapkan dalam menjaga peraturan yang terkandung di dalam Akta Perundangan Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi yang menegaskan bahawa peraturan dalam membuat dan memberi mana-mana fatwa, hendaklah mengikut *qawl* yang muktamad daripada mazhab al-Imam al-Shafi'i (Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, Vol.6, h. 28).

Sungguhpun pendapat yang datang daripada Mazhab al-Imam al-Shafi'i menjadi teras dalam penetapan hukum serta

mengeluarkan fatwa, tidak bermakna pendapat para Imam Mazhab yang lain, diketepikan. Tokoh ini turut merujuk pendapat para Imam Mazhab Hanafi, Mazhab Hambali dan Mazhab Maliki sebagai bahan rujukan, terutamanya bila melibatkan perbezaan pendapat dalam sesuatu isu dan situasi. Menjadi kepentingan bahawa hujah para ulama yang bermazhabkan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah yang diberikan keutamaan untuk dijadikan sandaran dan rujukan, iaitu sama ada dari kalangan ulama fiqh mahupun ulama aqidah.

Pendekatan ini diamati dalam beberapa fatwa, antaranya kekeliruan dalam rukun ibadat yang berkaitan dengan mazhab. Timbul persoalan tentang perkara bertaqlid dengan mazhab lain dalam perkara wudhu dan ibadah tawaf bagi jemaah yang mengerjakan haji dan umrah. Berikut petikan fatwa mengenainya (Fatwa bil. (240) dlm. MKB 13/1967, Pt.3: 48/61/50/50/78/47/54/51/96/88/20/84, 18 Februari 1984M/16 Jamadilawal 1404H).

“...Orang Shafi'i boleh bertaqlid dengan orang Hanafi dalam perkara wudhu, setelah orang Shafi'i itu ketahui akan syarat pada wudhu Hanafi dan perkara-perkara yang membatalkan wudhu pada wudhu Hanafi, jikalau orang Shafi'i tiada ketahui syarat-syarat wudhu Hanafi dan perkara-perkara batal pada wudhu Hanafi tiadalah sah dan tiada boleh bertaqlid, maka apabila orang Shafi'i menyentuh kulit isterinya atau suaminya atau orang laki-laki atau perempuan bukan muhrim, yang selamanya mahram, maka batallah wudhu orang Shafi'i itu dan apabila ia tawaf sesudah menyentuh atau tersentuh itu, maka tawafnya tiada sah dan tiada dipakai. Jadi kalau orang Shafi'i mahu ikut wudhu Hanafi

mestilah ia belajar wudhu Hanafi atau syarat-syaratnya dan perkara membatalkan wudhu Hanafi. Dan ia buat wudhu cara Hanafi itu...”

Mengutamakan *qawl* yang muktamad daripada Mazhab Imam al-Shafi'i, bukan sekadar menghormati dasar kerajaan yang berpegang kepada Mazhab Shafi'i, tetapi ia adalah untuk perpaduan umat Islam di dalamnya yang sekali gus menghindarkan timbulnya perbalahan sesama masyarakat Islam. Seperti yang diketahui bahawa Islam di Brunei adalah berpegang kepada Mazhab Shafi'i dari sudut fiqhnya. Oleh yang demikian, langkah yang diambil tokoh dalam mengeluarkan fatwa berdasarkan hujah Mazhab Shafi'i adalah berasas. Pendeknya metodologi yang diaplikasikan ini amat serasi dengan pegangan dan aliran yang ditekankan di Negara Brunei Darussalam.

Memanfaatkan Ra'y Ulama Muktabar sebagai Bahan Rujukan

Dalam usaha menegakkan aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, tokoh ini berkompromi dengan pemikiran para ulama terdahulu, khususnya para ulama muktabar daripada kalangan ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Oleh itu, dalam menangani sesuatu isu, lazimnya tokoh merujuk kepada kitab-kitab yang dihasilkan oleh para ulama besar Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan memberikan keutamaan kepada kitab-kitab ulama yang berpegang kepada Mazhab al-Imam al-Shafi'i. Selama mana pendapat yang dikemukakan adalah selari dengan aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, maka ia akan memanfaatkannya dan mengiktirafnya sebagai rujukan dalam mengeluarkan fatwa,

sama ada kitab tersebut adalah yang dihasilkan oleh ulama daripada kawasan Timur Tengah mahupun Nusantara.

Pendekatan ini dianalisis daripada ringkasan fatwa berkaitan amalan berdoa dengan menadah tangan yang dikatakan perbuatan bid'ah. Tokoh memberikan fatwa dengan memetik secara langsung pendapat dan hujah para ulama yang menjadi sandaran fatwanya (Fatwa bil. (243) dlm. MKB. 13/1967 pt.3; 48/61/50/78/47/54/51/96/88/22/84, 5 Jamadilakhir 1404H).

“...penjelasan telah diberikan bahawa berdoa dengan menadah tangan bukanlah perkara bid’ah. Demikian juga menyapukan kedua tapak tangan ke muka selepas berdoa. Sebagaimana yang diulas oleh al-Imam al-Nawawi: “...ketika berdoa hendaknya ialah menadah kedua tapak tangan ke arah langit...”

((عَنِ السَّائِيْ بْنِ يَزِيدٍ، عَنْ أَبِيهِ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا دَعَا فَرَفَعَ يَدِيهِ مَسْحَ وَجْهِهِ بِيَدِيهِ)).

(Abū Daud Sulaymān bin al-‘Ash’as al-Sajastānī, t.th:79).

Mengenainya banyak ditekankan melalui hadith-hadith Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Di samping itu digalakkan menadah tangan ke arah langit kerana di sanalah pusat tempat berdoa. Daripadanya turun rezeki, turun wahyu, rahmat Allah *Subhanahu wa Ta’ala* dan darinya tempat segala berkat dan kemewahan. Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga mengalu-alukan agar berdoa tidak hanya ketika dalam bersolat...”. Dijelaskan lagi melalui hadith yang diriwayatkan oleh al-Imam

Ibnu Majah dan al-Hakim (Abū Daud Sulaymān bin al-'Ash'as al-Sajastānī, t.th:78):

((إِذَا سَأَلْتُمُ اللَّهَ فَاسْأَلُوهُ بِيَطْوُنَ أَكْفَكُمْ، وَلَا تَسْأَلُوهُ بِظُهُرِهِ،
وَامْسِحُوهُ بِهَا وَجْهَهُكُمْ))

Maksudnya:

“Apabila kamu memohon kepada Allah, maka hendaklah kamu memohon kepadaNya dengan menadah perut tapak dua tangan kamu, dan jangan kamu minta dengan dua belakang tapak tangan kamu. Kemudian sapukan keduanya ke muka kamu”

Dalam beberapa pendekatan lain, tokoh memulakan hujahnya dengan mengutarakan pendapat beberapa ulama berkaitan isu yang dibincangkan, disusuli dengan huraian dan ulasan serta kesimpulan. Pendekatan ini dapat diamati melalui contoh petikan fatwa tentang perkara menamakan anak dengan nama ‘Abd, al-Ilāh, Allāh, al-Rābb (nama khusus untuk Allah Subḥānahu wa Ta’āla sahaja) (Fatwa bil. (54) (ب) (103) dlm. MKB. 2/1971; (179) dlm. MKB. 13/1967 pt.3; 48/61/50/78/47/54/51/96/88/85/84, 3 Mei 1984M/2 Syaaban 1404M):

“...berkata Imam Ibnu Hajar: “Haram memakai nama Malik al-Mulk (raja sekalian raja) kerana hanya Allah yang Esa. Begitu juga haram memakai Hakim al-Hakam (hakim sekalian hakim), Abd al-Kaabah (hamba kaabah), Abd al-Hussin dan Abd al-Nabi (hamba nabi). Ditakuti akan mendatangkan kekeliruan dengan mempersama-samakan manusia dengan Allah Subhanahu wa Ta’ala kerana hanya Allah Subhanahu wa Ta’ala yang memiliki hamba.

Akan tetapi Shaykh al-Islam al-Bayjuri berpendapat bahawa makruh hukumnya memakai nama Abd al-Nabi. Oleh yang demikian dalam perkara ini ada dua pendapat ulama: satu memperkatakan hukum ke atasnya haram dan pendapat yang lain menghukumkan makruh. Al-Alamah Said Ba'shin pula menerangkan bahawa haram memakai nama Jaar Allah (jiran Allah) dan nama Rafeeq Allah (rakan Allah) dan seumpama keduanya. Pendek kata tiadalah dipakai lafaz al-Jalalah (Allah) dengan tiada disandarkan lafz Abd padanya...”

Selain merujuk pendapat beberapa ulama dengan menyebut nama para ulama, tokoh juga adakah hanya menyebut nama kitab tulisan ulama, sebagai contoh, fatwa mengenai mengutip derma untuk mendirikan gereja (fatwa Mufti Kerajaan, siri 21/1963):

“...menurut dalam Kitab Syarh Al-Rawd wajib ditegah dari didirikan gereja dan tempat sembahyang, Yahudi dan tempat bertapa paderipaderi dan seumpamanya dalam negeri yang telah dibuka di dalam negeri Islam pada zaman Islam atau dalam negeri yang penduduknya telah beragama Islam kerana kedua-dua negeri itu negeri Islam dan kerana mendirikannya itu suatu maksiat maka tiada harus dikerjakan dalam negeri kita Islam dan begitu juga tersebut di dalam al-Tuhjah. Menurut nas yang di atas ini, maka raja wajib menegah daripada mendirikan tempat-tempat sembahyang yang bukan Islam dalam negeri Islam...”

Analisis ke atas fatwa-fatwa yang dihasilkan, menunjukkan kesungguhan tokoh dalam mendahulukan serta memberi

keutamaan pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh para ulama yang tersohor selain bersandarkan kepada sumber aqidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, al-Quran, al-Sunnah. Ijma dan Qiyas sebagai pendekatan dalam menentukan hukum dan mengeluarkan fatwa.

Mengemukakan ijтиhad peribadi sebagai jalan penyelesaian

Al-Qur'an al-Karim, al-Sunnah, Ijmak dan Qiyas adalah sumber dan rujukan asas, di samping sumber-sumber muktabar yang berasaskan kepada kefahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan pendekatan yang diterapkan dalam penetapan hukum dan pengeluaran fatwa. Namun dalam beberapa perkara dan keadaan, tokoh perlu berijtihad dan mengeluarkan pemikiran peribadi khususnya tentang perkara yang bersangkut dengan isu-isu kontemporari, adat resam dan sebagainya. Walau bagaimanapun ijtihad dan pemikiran peribadi tersebut tetap berpegang kepada garis panduan tanpa melanggar atau bertentangan dengan iktikad Islam. Ijtihad atau pemikiran peribadi dilakukan sebagai usaha untuk menyelamatkan aqidah masyarakat umat Islam daripada terpesong.

Analisis ke atas fatwa yang berbentuk ijtihad tokoh, antaranya berkaitan amalan masyarakat Brunei yang menulis kalimah syahadah di helaian kertas atau kain pada setiap kali datangnya musim haji. Amalan ini lazimnya dilakukan dalam kalangan kaum keluarga yang akan menunaikan fardhu haji (Fatwa bil. (64) dlm. MKB/13/1967 pt.s. (33/89). 11 Julai 1989H/ 8 Zulhijjah 1409M):

“...saya belum jumpa perkara tarik menarik kertas atau kain yang ditulis dengan dua kalimah syahadat di antara jama’ah haji yang akan berlepas ke Makkah. Ditegaskan bahawasanya belum dijumpai perkara sedemikian dalam mana-mana kitab. Walau bagaimanapun sesetengah ulama yang akan berjalan jauh mengamalkan menulis ayat berikut:

قال تعالى : ﴿إِنَّ اللَّهَيْ فَرَضَ عَلَيْكُمُ الْقُرْءَانَ لِرَأْدُكُمْ إِلَى مَعَادٍ
قُلْ رَبِّي أَعْلَمُ مَنْ جَاءَ بِالْهُدَىٰ وَمَنْ هُوَ فِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ﴾
Surah al-Qasas (28):85

Iaitu diminta oleh yang pergi belayar itu menulis di atas sesuatu yang kekal, selagi kekal tulisan ayat al-Qur'an itu, maka orang yang belayar yang menulis itu, In shaa Allah akan balik ke tempat ia menulis itu dengan berkat ayat al-Qur'an tersebut (Wallahu A'alam), atau dibaca oleh orang belayar itu ketika ia keluar dari rumah. Tiada sayugia diberi kepada kanak-kanak halai-halai yang bertulis dengan dua kalimah Syahadat itu, kerana ia akan membawa pada mensia-siakan halai-halai bertulis dengan Dua kalimah syahadat itu pada tempat-tempat yang hina dan kotor. Tiada menghormati seperti Dua kalimah Syahadat itu yang dihormati oleh Islam adalah haram dan membawa kufur jika menghinakannya...”

Sementara itu, analisis ke atas fatwa yang berkaitan dengan isu penyebutan ‘God’ yang diertikan Tuhan bagi agama Kristian dan telah menjadi ikutan para belia Islam, telah diberikan teguran seperti dalam petikan fatwa berikut (Fatwa bil. (274) dlm. MKB. 33/1967 pt.3;

48/61/50/78/47/54/51/96/88/15/84; (66) JUB/124/1962-5,
30 Januari 1984M/26 Rabiulakhir 1404H):

“...sayugialah digunakan perkataan Allah atau Allah Ta’ala atau Allah Subhanahu wa Ta’ala sahaja. Atas tujuan memuliakan serta mensucikan Allah Ta’ala dari segala kekurangan. Sekiranya tetap hendak menggunakan perkataan *god* juga, sebaiknya disebutkan *god Tuhan Rabbu al-Alamin* atau *god Tuhan seru sekalian alam* atau *god Yang Maha Esa* dan *Tunggal* atau *god Tuhan Yang Maha Pemurah lagi Yang Maha Pengasihani*. Ia adalah semata-mata menggelakkkan dari kesamaran dan salah faham pada maksud *god* itu...”

Berdasarkan daripada contoh fatwa yang dibawakan, menunjukkan bahawa dalam beberapa situasi, memerlukannya berijtihad untuk meleraikan persoalan atau kekeliruan yang timbul. Ijtihad akan dilakukan bergantung kepada situasi yang betul-betul diperlukan dengan menjaga konsep Islam dalam mengeluarkan fatwa yang berlandaskan kepada kefahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah, bersih daripada pengaruh pemikiran Islam yang sesat atau pelampau.

Penutup

Bidang kuasa pemeliharaan serta penasihat keagamaan digalas oleh Mufti Kerajaan. Maka kedudukan seorang Mufti itu tidak hanya tertumpu kepada penetapan hukum dan mengeluarkan fatwa tetapi secara langsung menjadi pakar rujuk dalam hal-ehwal keagamaan khususnya dan pelaksanaan pentadbiran kerajaan umumnya.

Pendekatan yang diaplikasikan dalam meleraikan segala persoalan yang timbul mencerminkan keilmuan dan kreadibiliti yang di miliki. Tokoh gemar mengongsikan ilmu sesuai dengan isu yang dibincangkan. Lazimnya tokoh memulakan fatwa dengan memberikan penerangan dan penjelasan secara terperinci sebelum memberikan jawapan. Ini secara langsung menunjukkan kecenderungannya untuk menyebarkan keilmuan supaya mendatangkan kemanfaatan kepada masyarakat Islam.

Tokoh seorang yang sangat menitikberatkan pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan mengikut Mazhab Shafi'i untuk diaplikasikan dalam setiap rang fatwa yang dikeluarkan. Langkah ini adalah seajar dengan dasar dan peraturan yang ditetapkan di dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 yang menekankan bahawa Islam adalah agama rasmi dengan berpegang kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan bermazhabkan Mazhab Shafi'i. Maka usahanya dalam mengaplikasikan pendekatan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di dalam mana-mana tulisannya adalah penyumbang kepada kukuhnya kefahaman Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah di Brunei Darussalam. Sekaligus mewujudkan keharmonian dalam beragama tanpa terpengaruh dengan pemikiran-pemikiran yang *ghulah* atau ekstrem.

Bibliografi

- Al-Qur'an al-Karim.
- Abd Latif Juffri @ Al-Jufri dan Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus (2015). *Tinta Emas Ulama Dua Negara Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Ismail Omar Abdul Aziz*. Johor, Malaysia: Majlis Agama Islam Negeri Johor.
- Abū Daud Sulaymān bin al-‘Ash’as al-Sajastānī (t.th). *Sunan Abī Daud*. Muhammad Muhyi al-Dīn ‘Abdu al-Hamīd (pynt). Jil.2. Bāb al-Do’ā. No. Hadith: 1486. Beirūt: t.t.
- Al-Bukhārī, Abī Abdullāh Muhammed bin Ismā’il bin al-Mughīrah (t.th). *Sahīh al-Bukhārī*. Jil.2. Kitāb al-Wasāyā. No.Hadith. 28. Beirūt: al-Maktab al-Thaqāfiyyah.
- Awang Haji Adenan bin Haji Latiff dan Awang Ismail bin Haji Nordin (1992). *Wawancara Penyelidikan Biodata Yang DiMuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz*. Brunei Darussalam: Pusat Sejarah.
- Awg Haji Muhd. Hadi bin Abdullah (1997). “Tokoh Agama Yang Disegani Yang DiMuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz”. *Al-Hadaf*. Tahun 1. Bil. 1. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan. 13-14
- Awg Haji Muhd. Hadi bin Abdullah (1997). “Ulama Mithali Yang DiMuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz”. *Al-Hadaf*. Tahun 1. Bil. 2. Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan. 10-11.

Dr Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (2015). "Fatwa Sumbangan Besar Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz", *Prosiding Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz*, t.tp:tp, 195-217.

Dr Nurul Huda binti Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (peny) (2016). *Mazhab Shafi'i Pandangan dan Amalan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz*, t.tp:tp. Fatwa bil. (240) dlm. MKB 13/1967, Pt.3: 48/61/50/50/78/47/54/51/96/88/20/84, 18 Februari 1984M/16 Jamadilawal 1404H.

Fatwa bil. (64) dlm. MKB/13/1967 pt.s. (33/89). 11 Julai 1989H/ 8 Zulhijjah 1409M.

Fatwa bil. (274) dlm. MKB. 33/1967 pt.3; 48/61/50/78/47/54/51/96/88/15/84; (66) JUB/124/1962-5, 30 Januari 1984M/26 Rabiulakhir 1404H.

Fatwa bil. (46) (55) dlm. MKB. 2/1971; (154) MKB.13/1967 Pt.2, t.t, h. 3-36

Fatwa bil. (243) dlm. MKB. 13/1967 pt.3; 48/61/50/78/47/54/51/96/88/22/84, 5 Jamadilakhir 1404H.

Fatwa bil. (54) (↔) (103) dlm. MKB. 2/1971; (179) dlm. MKB. 13/1967 pt.3; 48/61/50/78/47/54/51/96/88/85/84, 3 Mei 1984M/2 Syaaban 1404M.

Fatwa Mufti Kerajaan, siri 21/1963.

Hajah Rasinah binti Haji Ahim (2001). "Penerapan Pemikiran dan Fatwa Aliran Ahl Al-Sunnah wa Al-Jama'ah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz di

Brunei Darussalam". (Disertasi Sarjana, Fakulti Usuluddin, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia).

Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Haji Maidin (1999). "Institusi Fatwa: Peranan dan Sumbangan Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam". (Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Malaysia).

Norarfah Zainal & Mahayudin Yahaya (Peny) (2017). *Ketokohan dan Sumbangan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama (Dr) Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz: dalam Bidang Ilmu dan Pendidikan*. Brunei Darussalam: UNISSA Press.

Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Prosiding Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz (2015). t.tp:tp.

Prof Dr. Siti Rugayah Hj Tibek (2015). "Sumbangan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz Dalam Bidang Pendidikan, Dakwah dan Kepimpinan". *Prosiding Seminar Tokoh Antarabangsa Pehin Dato Seri Utama (Dr) Haji Ismail Omar Abdul Aziz*, t.tp: tp, 104-113.

Pusat Da'wah Islamiah (1980). *Aqidah Ahli Sunnah Wal-Jamaah (1)*. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.

Pusat Da'wah Islamiah (1999). *Tokoh Ugama Tahun Hijrah 1413: Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail bin Omar*

Abdul Aziz. Brunei Darussalam: Pusat Da'wah Islamiah.

Undang-Undang Negara Brunei Darussalam, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi, Penggal 77, Vol.6, h. 28.

Ustaz Mohd Nazar bin Haji Karim. 17 November 1999. Temubual.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz (1992). *Sejarah Hidup Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Awang Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz.* t.tp: t.pt.